

Konsep Pendidikan Tinggi Wakaf di *Madrasah Fatih*, Kompleks Fatih Istanbul (1470M)

Concept of Higher Education in *Madrasah Fatih*, Fatih Complex Istanbul (1470M)

Nur Ainul Basyirah Alias¹ & Ermy Azziaty Rozali

Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia

Institusi pendidikan yang berunsurkan kebajikan atau wakaf, sememangnya telah lama berkembang dalam dunia Islam daripada zaman khilafah Umawiyah hinggalah pemerintahan kerajaan Uthmaniyyah. Sejak itu, pelbagai institusi pendidikan dari pengajian tinggi seperti *madrasah*, kolej dan universiti yang dibina untuk para sarjana dan masyarakat bagi mempelajari ilmu pengetahuan sama ada dalam bidang agama, sains dan teknologi. Kajian ini dilakukan dengan menggunakan metode kualitatif yang berbentuk kajian sejarah manakala, kaedah pengumpulan data pula menggunakan kaedah analisis dokumen. Artikel ini membincangkan tentang perkembangan salah satu madrasah dalam kerajaan Uthmaniyyah iaitu *Madrasah Fatih* yang mempelopori lapangan keilmuan sekitar abad ke-15M hingga abad ke-16M. Hasil kajian ini mendapati bahawa, madrasah ini menjalankan aktiviti dan menjadi pusat perkembangan ilmu melalui pembiayaan dana wakaf daripada pemerintah. Selain itu, gaji para guru, staf dan elaun para pelajar juga turut menggunakan dana wakaf yang disalurkan kepada institusi pendidikan ini. Malah, institusi ini berkonsepkan pendidikan tinggi seperti kolej atau universiti pada masa kini.

Kata Kunci: *Madrasah*; Pendidikan Tinggi Zaman Uthmaniyyah; Wakaf

Educational institutions that characterized the welfare or endowments, had long been grown in the Islamic world from the empire of Khilafah Umawiyah until the Ottoman rule. Since then, various educational institutions of higher education such as *madrasahs*, colleges and universities were built to scholars and the public to seek knowledge in the field of religion, science and technology. This study was conducted using qualitative methods that shaped the study of history and methods of data collection used the method of document analysis. This article discuss about the development of Ottoman madrasahs which is *Madrasah Fatih* who pioneered the field of science around the 15th century until 16th century. The results showed that, this *madrasah* became the center of activities and the development of science through funding from government endowments. In addition, the salaries of teachers, staff and students' allowances are also using endowment funds distributed to this educational institution. In fact, the concept of higher education in *Madrasah Fatih* same as colleges or universities nowadays.

Keywords: *Madrasah*; Higher Education in Ottoman Empire; Waqf

¹ Corresponding author: ainulmardhiah@gmail.com

PENDAHULUAN

Perkembangan pesat dunia ilmu pengetahuan serta sains dan teknologi pada zaman keemasan umat Islam di Baghdad merupakan hal yang tidak dapat dinafikan. Justeru, setelah jatuhnya kerajaan 'Abbasiyyah pada abad ke-13M, umat Islam kembali membina kerajaan di beberapa tempat contohnya di Andalus, Mesir dan Anatolia. Beberapa institusi pendidikan dibangunkan oleh para pemerintah sebagai tanda sokongan kepada aktiviti keilmuan para sarjana Islam seperti di Cordoba, Kaherah, Iznik dan sebagainya. Seperti mana beberapa institusi pendidikan dalam kerajaan 'Abbasiyyah yang dibiayai oleh pemerintah, hal ini masih lagi dikekalkan pada zaman pemerintahan kerajaan Islam yang lain seperti kerajaan Uthmaniyyah. Kerajaan Islam yang mula bertapak di Anatolia ini, telah memerintah hampir 600 tahun lamanya. Bermula pada pemerintahan Sultan Orhan I pada abad ke-14M sehingga zaman pemerintahan Sultan Mehmet II, terdapat 42 madrasah di bandar-bandar utama iaitu Bursa (25), Edirne (13), dan di Iznik (4). Manakala jumlah ini bertambah dengan terbinanya 97 buah madrasah pada abad ke-15M dan 189 buah lagi pada abad ke-16M. Ia meliputi di serata tempat dan bandar terutamanya Istanbul (Ihsanoglu 2009: 200).

Menurut Günüş (2007: 24), permulaan bagi perkembangan institusi pendidikan secara besar-besaran pada zaman Uthmaniyyah adalah bermula sejak era Sultan Mehmet II. Beliau mempelopori segenap bidang ilmu dengan baik dan sangat meraikan para sarjana yang datang untuk berkhidmat dalam pemerintahannya. Antara madrasah yang terawal ditubuhkan di Istanbul ialah *Madrasah Zeyrek*, *Madrasah Hagia Sophia* dan *Madrasah Sultan Mehmet II* sendiri iaitu, *Madrasah Fatih*. Ketiga-tiga madrasah ini terletak di Istanbul dan diwujudkan selepas Istanbul menjadi pusat pentadbiran bagi kerajaan Uthmaniyyah. Dalam membincangkan tentang para ilmuan semasa pemerintahan Sultan Mehmet II, Günüş (2007: 25) membahagikannya kepada dua golongan iaitu sarjana yang berkhidmat sejak zaman pemerintahan Sultan Murad II, seperti Molla Gurani dan Molla Husrev. Manakala golongan kedua pula, adalah yang menjadi sarjana pada akhir era pemerintahan beliau.

Oleh kerana kecintaan yang tinggi kepada bidang ilmu pengetahuan, Sultan Mehmet II menjemput para sarjana dari beberapa negara seperti Parsi dan Andalus untuk datang ke Istanbul bagi mengembangkan ilmu mereka. Beliau juga sudi menjadi penaung kepada aktiviti sains yang dijalankan malah, membayar sejumlah wang yang banyak kepada mereka. Dalam dokumen wakaf Sultan Mehmet II, jelas menyatakan hasrat beliau untuk menjadikan Istanbul sebagai pusat perkembangan sains. Hal ini dibuktikan dengan penubuhan *Madrasah Fatih* dan *Dar al-ta'lim* pada tahun 1462M dan siap sepenuhnya pada tahun 1470M (Günüş 2007: 156). Ia dibina bersama-sama bangunan lain di dalam kompleks Fatih seperti masjid, hospital, dapur awam dan perpustakaan. Bangunan madrasah ini terdiri daripada dua bahagian iaitu di kiri dan kanan masjid. Ia juga merupakan sebuah institusi pendidikan tinggi pada abad ke-15M yang mempunyai 3 unit madrasah berbeza iaitu 8 peringkat untuk tahap tinggi (*sahn*), 8 peringkat untuk tahap persediaan ke *sahn* (*tetimme*) dan sekolah rendah serta perpustakaan (Ihsanoglu 2009: 199). Peringkat tahap tinggi (*sahn*) ini menyerupai konsep universiti atau kolej pada masa sekarang. Semua peringkat madrasah ini dilengkapi dengan kemudahan seperti perpustakaan, makanan percuma dan mendapat pemeriksaan kesihatan di hospital.

Secara umumnya, sistem *madrasah* yang dibina bersebelahan masjid dalam kerajaan Uthmaniyyah merupakan sistem yang dilaksanakan pada zaman kerajaan Saljuk (Ihsanoglu 2004: 4). Pendidikan di madrasah gaya zaman Saljuk yang masih diteruskan pada zaman Sultan Mehmet II ini adalah mengikut ciri-ciri *Madrasah Nizamiye*. Tujuan utama *madrasah* ini ditubuhkan ialah untuk mengajar subjek agama seperti fiqh. Namun

begitu, dengan pembinaan hospital dan balai cerap yang bersebelahan dengan *madrasah* ini menunjukkan kemungkinan subjek sains seperti perubatan dan astronomi diajarkan di situ (Ihsanoglu 2009: 199). Para guru yang mengajar di *madrasah* ini hendaklah mahir dalam kedua-dua bidang iaitu agama dan sains seperti logik, falsafah, matematik dan astronomi. Manakala kurikulum di *madrasah* ini disediakan oleh para sarjana yang pakar termasuklah seorang ahli matematik dan astronomi dari Samarkand iaitu Ali Kuşcu (Ihsanoglu 2009: 200).

KONSEP UMUM PENGAJIAN TINGGI

Dalam membincangkan tentang konsep umum pengajian tinggi, perlu diketahui bahawa telah termaktub dalam Artikel 26, United Nation Universal Declaration of Human Right ada menyatakan tentang hak mendapat pendidikan kepada semua orang. Hak ini perlu diberikan secara bebas, tanpa diskriminasi kepada sesiapa pun sehinggalah kepada tahap pendidikan yang paling tinggi (Abuarqub 2009). Malah, dalam agama Islam juga mewajibkan penganutnya untuk menuntut ilmu ke peringkat yang lebih tinggi. Hal ini dibuktikan dengan kewujudan pelbagai institusi pengajian tinggi di Baghdad, Damsyik, Kaherah, Parsi, Andalus dan Istanbul yang melahirkan pakar-pakar dalam bidang tertentu. Malah, seruan dan ganjaran untuk menuntut ilmu juga terdapat dalam hadith sahih Rasulullah s.a.w.

Secara umumnya, pengajian tinggi diertikan sebagai suatu sistem yang terdiri daripada universiti awam, politeknik, kolej komuniti, kolej swasta, kampus-kampus cawangan luar negara, pendidikan formal di universiti dan pengajian di internet (Sirat, Bakar & Hwa 2012). Dalam penulisan The International Bank for Reconstruction and Development (1994), melalui institusi pengajian tinggi ini, berlaku proses pembelajaran, pengaplikasian kajian dan teori serta penerapan nilai-nilai murni kepada para pelajar. Institusi pengajian tinggi ini juga menjadi tempat bagi pembangunan sumber manusia sesebuah negara. Hal demikian kerana, ia bertanggungjawab dalam melatih dan memberikan ilmu kepada pekerja profesional negara. Selain itu, institusi pengajian tinggi juga diiktiraf sebagai penggalak kepada perkembangan intelektual, kemahiran teknikal dan memupuk perkara-perkara yang baik (Anon 2014: 31).

Apabila menyentuh tentang kewujudan institusi pengajian tinggi dalam kerajaan Uthmaniyyah, perlu diambil perhatian bahawa konsep pengajian tinggi ini tidaklah sama seperti sekarang. Namun begitu, terdapat beberapa *madrasah* yang boleh dikategorikan sebagai institusi pengajian tinggi berdasarkan fungsi dan keadaannya yang tertentu. Antaranya ialah *Madrasah Fatih* dan sekolah perubatan *Suleymaniye* yang terletak di Istanbul. Menurut Ahunbay (2009: 47), *madrasah* merupakan sekolah menengah tinggi dan universiti dalam sistem pendidikan zaman Uthmaniyyah. Pada kebiasaannya, ia dibina satu tingkat dan mempunyai ruang laman dan bahagian yang tertentu untuk para pelajar. *Madrasah* ini juga mempunyai kaitan dengan wakaf yang membiayai perjalanan aktiviti.

SUMBER DAN PENGURUSAN DANA WAKAF MADRASAH FATIH

Wakaf dan institusinya memainkan peranan yang penting dalam kerajaan Uthmaniyyah dan dipraktikkan secara meluas serta meliputi pelbagai aspek seperti pendidikan, kesihatan, keagamaan dan kebajikan. Kerajaan Uthmaniyyah bermula daripada pemerintahan Sultan Orhan I sehinggalah pemerintah yang seterusnya, telah lama mengamalkan wakaf bagi memastikan kebajikan kepada rakyat terjamin. Pengaplikasian wakaf dalam kerajaan ini sudah menjadi suatu hal yang tidak asing lagi, baik daripada pemerintah ataupun rakyat biasa di seluruh wilayah di bawah kerajaan Uthmaniyyah

termasuklah di bahagian Eropah seperti negara-negara Balkan. Uniknyanya, ada di antara bangunan wakaf dan dokumen berkaitan dengannya masih lagi kekal sehingga ke hari ini walaupun fungsinya sudah berubah.

Istilah wakaf pada zaman kerajaan Uthmaniyyah menurut Masters (2009: 590) dalam *Encyclopedia of The Ottoman Empire* adalah merujuk kepada harta peribadi seseorang yang berwakaf seperti kedai-kedai, hasil kilang yang mengeluarkan tekstil atau sabun, tempat mandi, dan seluruh kawasan pasar jika pewakaf benar-benar seorang yang kaya. Malah, hasil sewaan rumah, hasil tanaman dan hasil cukai seperti jizyah juga dikategorikan sebagai harta wakaf yang memberi manfaat kepada rakyat. Jika dilihat dengan teliti, ia digunakan secara langsung untuk menampung institusi dan penerima tertentu seperti masjid, sekolah, hospital, rumah kebajikan, dapur awam, kubu, jambatan, makanan burung, pancuran air dan tabung wang hantaran untuk rakyat yang ingin berkahwin.

Salah satu institusi pendidikan yang mendapat pembiayaan daripada institusi wakaf Sultan Mehmet II secara langsung ialah *Madrasah Fatih*, dapur awam, Hospital Fatih dan Masjid Fatih yang mana kesemuanya berada dalam kompleks Fatih. Hal ini bukanlah suatu perkara yang baru dalam kerajaan Uthmaniyyah kerana pemerintah-pemerintah sebelum ini turut menbiayai aktiviti kompleks mereka. Sebagai contoh, Sultan Bayazid I yang mewujudkan kompleks beliau di Bursa, begitu juga halnya dengan Sultan Murad II, ayah kepada Sultan Mehmet II sendiri yang membina beberapa *madrasah* sewaktu pemerintahannya. Jadi, tradisi ini telah diteruskan oleh bukan sahaja Sultan Mehmet II, malah semua sultan kerajaan Uthmaniyyah yang memerintah. Hal ini dilihat sebagai salah satu strategi untuk mendapatkan sokongan rakyat di samping memberikan kemudahan kepada mereka secara percuma.

Antara hasil dana wakaf ialah melalui pendapatan beliau sendiri. Dalam kerajaan Uthmaniyyah, sultan memperoleh pendapatan melalui pelbagai sumber yang dikumpul daripada *mâlikâne* dan *hasses*, kebun-kebun *hass*, *baltalık*, hasil tanah yang dibangunkan dan hasil cukai berbentuk wang tunai daripada wilayah seperti Mesir, Wallachia, Moldavia, Dubrovnik dan Transylvania yang dibayar setiap tahun. Buku akaun umum kerajaan Uthmaniyyah merekodkan bahawa, hasil lebihan (*zevâid-i evkâf*) daripada pendapatan ini membawa kepada tertubuhnya pelbagai institusi yang memberi manfaat kepada masyarakat (İpşirli 2001: 138). Salah satunya ialah pembinaan *Madrasah Fatih* dan beberapa buah *madrasah* lain di sekitar Istanbul.

Selain itu, Yediyıldız dan Öztürk (1996: 5) menyatakan bahawa dana wakaf ini diambil daripada beberapa bangunan perniagaan yang berbeza. Antaranya ialah daripada 4250 buah kedai-kedai, tiga buah pejabat yang besar, empat buah tempat mandi awam (*hamam*), tujuh buah villa, sebuah pasar tertutup berserta sembilan taman dan 1130 buah rumah yang dibina di Istanbul dan di kawasan Galata. Menurut İnalçik (2012: 449) dalam bukunya *The Survey of Istanbul 1455 The text English Translation*, terdapat rekod catatan individu yang menetap di rumah-rumah wakaf ini terdiri daripada orang-orang Yahudi, Armenia dan Greek. Antara bilangan penduduk yang dicatatkan ialah seramai 1801 orang Islam tinggal di Istanbul dan Galata, 3904 orang Kristian Ortodoks menetap di Istanbul, 293 orang Kristian Ortodoks pula menetap di Galata, seramai 1490 orang Yahudi berada di Istanbul dan Galata manakala selebihnya orang-orang Armenia seramai 777 orang. Selain itu, sebanyak 81 kawasan direkodkan dalam dokumen wakaf Sultan Mehmet II pada tahun 1472M untuk menjadi tanah kerajaan setelah pembukaan kota Konstatinopel pada tahun 1453M contohnya kawasan Ayasofya, Balat dan Mehmet Paşa. Bangunan-bangunan dalam kawasan tersebut terdiri daripada rumah dua tingkat, rumah satu tingkat, gereja, kedai-kedai, biara, dapur, kandang kuda dan gudang. Kerajaan pada ketika itu

mengambil rumah-rumah di kawasan Konstantinopel dengan cara paksaan, berlainan dengan rumah-rumah di kawasan Galata yang diserahkan secara perjanjian yang dibuat antara mereka (İnalçik 2012).

Di samping itu, menurut Boyar & Fleet (2010: 145), dana wakaf ini juga diambil daripada sewaan mesin pengisar, kilang roti, tempat penyembelihan haiwan dan mesin cetak. Ia juga di biyai oleh harta wakaf yang diberikan oleh orang-orang kaya pada waktu itu. Manakala Mansel (2011) pula menjelaskan bahawa Sultan Mehmet II mengumpulkan dana wakaf untuk kompleksnya melalui hasil pembinaan pasar besar yang mengandungi 110 buah kedai. Sumber dana wakaf ini juga diambil daripada hasil sewaan bangunan seperti *khans*, tempat mandi, *bedestans* (tempat penyimpanan barang berharga seperti barang kemas dan sutera), pasar, kedai-kedai serta rumah-rumah penduduk (Yediyildiz 2001: 521). Oleh itu, dapatlah diketahui bahawa dana wakaf Sultan Mehmet II mempunyai sumber yang banyak demi menampung pelbagai perbelanjaan bagi kompleks Fatih menjalankan perkhidmatannya.

Sehingga pertengahan abad ke-16M, hasil kewangan daripada pungutan cukai, perlombongan dan perdagangan merupakan antara perbelanjaan untuk kebajikan rakyat. Namun begitu, pada tahun 1564M, pertama kalinya kerajaan Uthmaniyyah mengalami defisit dalam kewangan mereka. Hal ini disebabkan sikap boros pemerintah yang membelanjakan wang untuk kepentingan individu dan golongan tertentu. Apabila ini terjadi, pembangunan ekonomi dan sosial negara terganggu dan menjejaskan kehidupan masyarakat pada ketika itu (Mohamad Shauki 2012: 23). Masalah pemerintah boros dan penyelewengan ini bukan sahaja berlaku dalam kerajaan Uthmaniyyah sahaja, tetapi juga dalam kerajaan Rom Byzantium yang memerintah sebelum itu.

PENGURUSAN DAN PEMBAHAGIAN DANA WAKAF

Oleh kerana dana wakaf ini mempunyai jumlah yang banyak dan perlu diuruskan dengan baik serta amanah, pengurusan dan pentadbirannya diletakkan di bawah seorang pengurus yang dilantik oleh pemerintah atau sultan. Ia ditugaskan untuk menyelia dana wakaf dan membahagi-bahagikannya kepada setiap perkara yang telah disenaraikan di dalamnya. Walau bagaimanapun, wakaf bagi *madrasah* ini tetap diletakkan di bawah pengawasan sultan dan pemerintah secara langsung. Hal ini kerana Sultan Mehmet II sangat peka dengan keadaan madrasah beliau dan sentiasa hadir ke sana. Sama seperti hospital dan dapur awam di dalam kompleks ini, semua perkhidmatannya adalah percuma dan ditawarkan kepada sesiapa sahaja yang datang ke sana tidak mengira bangsa, agama, dan latar belakang kehidupan.

Begitu juga halnya dengan *Madrasah Fatih* ini yang mana ia termasuk dalam pembiayaan dana wakaf daripada institusi wakaf Sultan Mehmet II secara langsung. Malah, dana wakaf yang disalurkan juga turut mempunyai *wazir* (Grand Vizier) dan mempunyai pembahagian tertentu. Hal ini dipraktikkan sejak daripada awal pemerintahan kerajaan Uthmaniyyah lagi. Sebagai contoh, Sultan Orhan dan Sultan Mehmet II melantik sekumpulan *wazir*, manakala pada zaman Sultan Beyazit II pula beliau melantik seorang shaykhul Islam bagi menyelia dana wakaf tersebut. Berlainan pula dengan wakaf *Hürrem* Sultan, isteri kepada Sultan Suleyman I yang melantik sida-sida sebagai pengurus wakaf beliau (Deligöz 2014: 181).

Ketua *wazir* yang dilantik oleh kerajaan mempunyai kuasa yang besar dalam urusan wakaf. Antara tugas penting mereka ialah mengamanahkan tugas kepada pemegang amanah rasmi untuk melaksanakan pentadbiran wakaf dengan baik. Menurut İpşirli (2001: 162), pemegang amanah pertama bagi pentadbiran wakaf kompleks Fatih

ialah Mahmûd Pasha. Tradisi ini kemudiannya diteruskan oleh pemegang amanah lain walaupun setelah kemangkatan Sultan Mehmet II pada tahun 1481M. Segala transaksi berkaitan wakaf akan direkodkan dalam dokumen wakaf Sultan Mehmet II (*trust of deed*) begitu juga dengan pembayaran gaji para pekerja hospital. Tidak hairanlah dokumen wakaf ini masih kekal wujud dan boleh dilihat sehingga sekarang dan membuktikan institusi wakaf ini pernah menawarkan perkhidmatan kepada masyarakat.

Antara keunikan *madrasah* dalam kerajaan Uthmaniyyah ialah ia mempunyai hierarki masing-masing. Hierarki ini ditentukan mengikut jumlah gaji harian yang dibayar kepada guru-guru. Pada permulaannya, mereka dibayar sebanyak 20 *akçes* dan kemudiannya meningkat sebanyak 25 *akçes*. Begitu juga setiap gaji pada tahap-tahap lain yang akan bertambah sebanyak lima *akçes*. Sistem ini diteruskan sehinggalah pada pemerintahan sultan Beyazit II. *Madrasah Fatih* pula tergolong dalam institusi pendidikan tinggi pada abad ke-15M. Bayaran guru di sana menggunakan dana wakaf dengan nilai 100 *akçes* untuk dua orang guru. Institusi wakaf ini bukan sahaja menyalurkan dana, tetapi juga akan menentukan subjek yang akan diambil oleh para pelajar, kelayakan guru yang mengajar, masa pengajaran dan gaji para pekerja selain guru (Ihsanoglu 2009: 199).

PERKEMBANGAN MADRASAH FATIH PADA ABAD KE-15M SEHINGGA ABAD KE-17M

Pada abad ke-15M, *Madrasah Fatih* telah berkembang menjadi sebuah pusat pendidikan yang masyhur dan mendapat perhatian khusus Sultan Mehmet II. Buktinya, beliau menyimpan rekod para graduan madrasah ini dan juga memerintahkan petugas di *madrasah* untuk menyediakannya sebuah bilik khas. Malah, beliau merupakan rektor pertama di *Madrasah Fatih* sewaktu hayatnya (Günüş 2007: 159). Tenaga pengajar dan pendidik di madrasah ini sangat dititik beratkan bagi menjamin kualiti graduan yang lahir kelak. Oleh kerana itu, pada awal pembinaan *madrasah* ini, guru-guru yang terbaik akan dilantik dan berkhidmat di *madrasah* selama hayat mereka. Pada ketika itu, jawatan sebagai guru (*müderis*) dipilih oleh Sultan Mehmet II sendiri. Hal ini menunjukkan dengan jelas bahawa beliau mempunyai penilaian tersendiri dalam menetapkan tenaga pengajar yang layak mengajar di *madrasah*nya. Namun begitu, setelah beliau wafat, tugas itu diberikan kepada ketua *wazir* (Grand Vizier). Setelah pertambahan bilangan *madrasah* di samping semakin ramai graduan daripada *madrasah*, guru yang dilantik perlu menduduki ujian dan akan ditentukan tempoh perkhidmatan mereka (İpşirli 2001: 265).

Antara nama besar yang pernah berkhidmat di *Madrasah Fatih* ini ialah Hocasade. Muslihiddin Mustafa merupakan salah seorang guru Sultan Mehmet II selain Molla Gurani, Molla Husrev dan Aksemseddin. Beliau merupakan seorang yang sangat disegani malah, pernah berdebat dengan Alaaddin Tusi, seorang sarjana lain berkaitan *Tehafutu'l Felasife*. Selain Hocasade, Sultan Mehmet II pernah menjemput ahli akademik bernama Molla Hayreddin dan Molla Veliyyuddin-i Karamani untuk datang ke Istanbul. Namun begitu, kedua-duanya tidak dapat memenuhi permintaan sultan kerana Molla Hayreddin terikat dengan komitmen di daerahnya iaitu Taskopru, manakala Molla Veliyyuddin-i Karamani meninggal dunia ketika dalam perjalanan ke Istanbul. Di samping itu, seorang lagi sarjana yang terkenal, terakhir dijemput dan ditanggung oleh Sultan Mehmet II ialah Molla Cami. Beliau menerima tawaran tersebut namun di sebabkan kemangkatan sultan menyebabkan beliau pulang semula ke kampung halamannya (Günüş 2007). Malah, guru dan penasihat Sultan Mehmet II, Aksemseddin juga tidak sempat untuk melihat *madrasah* ini beroperasi kerana beliau meninggal dunia pada tahun 1469M, iaitu setahun sebelum kompleks Fatih siap dibina.

Madrasah Fatih mempunyai empat peringkat pembelajaran yang merangkumi dua *madrasah* pendidikan tahap rendah dan dua *madrasah* pendidikan tinggi. *Madrasah* pendidikan tahap rendah ini terdiri daripada *Sibyan Mektebi* dan *Dahil Madrasah*. Di *Sibyan Mektebi*, kanak-kanak berusia empat hingga sebelas tahun mula menerima pendidikan mereka tidak mengira lelaki mahupun perempuan. Para pelajar didedahkan kepada pelajaran awal kanak-kanak seperti huruf-huruf al-quran, mengira nombor dan sebagainya. Setelah para pelajar menyelesaikan pelajaran di *Sibyan Mektebi*, mereka akan memasuki *Dahil Madrasah* bagi mempelajari subjek-subjek yang lebih mendalam. Antaranya ialah tatabahasa, pengucapan awam, debat, mantik dan lain-lain. Sebelum memasuki fasa pendidikan paling tinggi iaitu *Madrasah Semaniye*, para pelajar perlu menghadiri kelas persediaan terlebih dahulu yang dinamakan *Tetimme Madrasah*. Ia menyerupai fungsi kolej matrikulasi atau pusat persediaan ke universiti pada masa sekarang. Tahap terakhir dan paling tinggi dalam institusi *Madrasah Fatih* ini ialah *Madrasah Semaniye* atau digelar *sahn-ı Seman*. Tahap pembelajarannya juga semakin mendalam pada satu-satu subjek dan mula memperelajari subjek sains. Di *madrasah* ini, pelbagai aktiviti saintifik dan aktiviti penulisan dijalankan termasuklah kajian daripada sudut sains dan agama Islam. Jika penulisan dalam agama Islam, kebanyakannya adalah berkaitan mazhab Hanafi. Namun begitu, terdapat juga penulisan daripada mazhab Syafie, Maliki dan Hanbali. Hasil penulisan daripada *madrasah* ini dianggarkan berjumlah 176 buah, bermula dari tahun 1470M sehingga tahun 1730M (Günüç 2007).

Selain itu, pelbagai bidang didedahkan kepada para pelajar di *madrasah* pendidikan tinggi ini. Salah satu daripadanya ialah bidang perubatan yang mempunyai kaitan secara langsung dengan Hospital Fatih. Hal ini demikian kerana, hospital tersebut merupakan tempat pembelajaran dan praktikal kepada para pelajar perubatan. Jika diteliti dengan lebih mendalam, situasi ini bukanlah suatu perkara yang asing dalam hospital-hospital kerajaan Uthmaniyyah dan Anatolia Saljuk yang mengamalkan sistem hospital universiti seperti sekarang. Profesor dan guru-guru yang mengajar bidang perubatan ini juga antaranya ialah doktor dari Hospital Fatih. Antaranya ialah Yakub Hekim, Şükrullah Şirvani, Hekimi Arab dan Altuncuzade. Berbeza dengan sekolah perubatan Suleymaniye yang muncul kira-kira 100 tahun setelah itu yang memisahkan bangunan hospital dan sekolah perubatan dalam kompleks Suleymaniye. Dari sudut pengajaran di *madrasah* menurut Kahya & Erdemir (1997: 51), *Madrasah Fatih* ini direka khas bagi membentuk satu institusi pendidikan wakaf yang berstruktur dan dilengkapi dengan tenaga pengajar yang terlatih dan pakar dalam bidang masing-masing.

Di samping itu, *madrasah* ini turut dilengkapi dengan kemudahan seperti perpustakaan untuk memudahkan para pelajar dan guru-guru merujuk bahan-bahan pembelajaran. Malah, Sultan Mehmet II sendiri telah mendermakan sebahagian buku peribadinya kepada perpustakaan ini. Dalam bidang fiqh, buku teks yang digunakan untuk mengajar di *madrasah* ini ialah kitab *Hidaye* dan kitab *Vikaye*. Bagi memastikan *madrasah* beliau menjadi institusi pendidikan yang unggul pada ketika itu, Sultan Mehmet II menjemput Ali Kusçu, seorang sarjana daripada Samarkand untuk menyusun silibus subjek astronomi, matematik dan geometri. Selain itu, Sinaneddin Yusuf yang merupakan anak didik Ali Kusçu juga menjadi profesor di *Madrasah Semaniye*. Hal ini demikian kerana, penekanan terhadap subjek bukan agama menjadi keperluan yang penting dalam membangunkan pemikiran para pelajar seiring dengan perkembangan semasa (Günüç 2007:188).

Kebajikan para pelajar dan staf di *Madrasah Fatih* turut dititik beratkan dengan kewujudan dapur awam (*imaret*), tempat mandi awam (*hammam*) dan rumah tetamu (*tabhane*) yang terletak berhampiran *madrasah*. Menurut Yesilay & Dolunay (2011), pada pertengahan abad ke-16M, dapur awam ini telah memberi makanan kepada kira-kira

1,500 orang termasuklah para pelajar di *madrasah* ini sebanyak dua kali sehari. Selain itu, makanan dan minuman di dapur awam ini adalah percuma dan berkhasiat sesuai dengan cuaca. Pada pagi hari akan disediakan bubur nasi manakala bubur gandum pula diberikan untuk makan malam. Bubur tersebut dimasak bersama daging dan parsli. Di samping itu, mereka juga diberikan roti sebagai makanan tambahan. Malah, pada hari Jumaat pula, mereka akan menikmati makanan yang berbeza daripada hari biasa.

Impian Sultan Mehmet II untuk melihat Istanbul menjadi pusat keilmuan dunia berjaya dicapai apabila ahli sains, doktor, pelukis dan saintis daripada seluruh pelosok dunia berkumpul dan bersama-sama menyebarkan ilmu mereka. Pelbagai kajian dan inovasi dapat dilakukan dengan tunjuk ajar daripada para sarjana tersebut. Usaha beliau membenarkan orang Islam dan Yahudi yang dihalau dari Andalus untuk menghuni Istanbul adalah langkah yang bijak. Hal ini demikian kerana, sebagaimana yang diketahui bahawa Andalus sebelum itu pernah menjadi kota ilmu yang terkenal dengan ribuan ilmuan dan hasil-hasil kajian saintifik yang hebat. Malah, sehingga kini juga, sejarah tidak dapat menafikan sumbangan Andalus dalam perkembangan ilmu baik di Timur atau Barat.

Oleh kerana itu, *Madrasah Fatih* menerima kebanjiran pelajar dan tenaga pengajar pada awal pembukaannya sehinggalah sebelum penubuhan *Madrasah Suleymaniye* pada abad ke-16M. Kemuncak ilmu pengetahuan yang berlaku dalam kerajaan Uthmaniyyah mendesak pemerintah pada ketika itu untuk menambah *madrasah* di Istanbul dan beberapa buah bandar lain seperti Bursa dan Edirne. Selain itu, aktiviti seperti penterjemahan karya daripada bahasa Greek, bahasa Parsi, bahasa Arab dan beberapa bahasa lain semakin giat dilakukan. Hal ini demikian kerana, telah berlaku perkembangan pesat kepada beberapa bidang seperti perubatan, astronomi, matematik dan kejuruteraan. Ia menjadi suatu keperluan kepada masyarakat untuk mengetahui dan mempelajari bidang tersebut. Hasil daripada pendidikan di *madrasah* ini, graduan berpeluang untuk menjadi profesor, hakim, mufti atau menjawat apa-apa jawatan dalam pentadbiran dalam kerajaan Uthmaniyyah. Guru-guru yang mengajar di *madrasah* ini juga mendapat peluang untuk menjadi hakim atau ketua hakim di Istanbul. Malah, mereka juga boleh dilantik sebagai menteri atau ketua menteri jika terbukti mempunyai kelayakan (Agoston 2009: 577).

Walaupun institusi madrasah wakaf ini dianggap sebagai satu institusi yang gah, namun begitu ia juga mengalami kejatuhan setelah sekian lama bertapak. Hal ini demikian kerana, beberapa faktor yang mempengaruhi kelangsungan hayat *madrasah* ini. Antaranya ialah kerana, gempa bumi yang melanda Istanbul pada tahun 1509M, 1557M, 1754M dan 1766M. Ia mengakibatkan kemusnahan pada hampir keseluruhan bangunan kompleks Fatih ini malah, menyebabkan binaan asal kompleks ini berubah sama sekali. Kali terakhir kompleks ini dibina semula ialah pada masa pemerintahan Sultan Mustafa III yang mentadbir kerajaan Uthmaniyyah sekitar tahun 1717M-1774M. Beliau memerintahkan arkiteknya iaitu Mehmet Tahir Ağa untuk membina semula masjid dan beberapa bahagian lain yang runtuh.

Selain itu, Günüç (2007: 179) menyatakan bahawa kejatuhan institusi pendidikan ini selepas abad ke-16M dipengaruhi oleh pemerintah pada ketika itu yang tidak mengambil serius akan subjek sains dalam *Madrasah Fatih*. Malah, Katip Celebi mendakwa bahawa pengabaian subjek falsafah daripada silibus juga membawa kepada perkara tersebut. Permulaan proses pembaratan ke atas seluruh sistem kerajaan Uthmaniyyah dalam pemerintahan Sultan Mahmud II memperlihatkan perubahan yang berlaku dalam bidang pendidikan. Sekolah baru ini ditubuhkan bagi menangani permasalahan semasa yang berlaku. Hal ini berlanjutan sehinggalah era tanzimat pada

zaman Sultan Abdul Majid dan Sultan Abdul Aziz. Era ini menyaksikan penyusunan semula dasar dan undang-undang baru dalam kerajaan Uthmaniyyah (Mohamad Shaukhi 2012: 7).

Pada pertengahan abad ke-19M, unit dalam kompleks Fatih seperti hospital, *tâbhâne*, *muvakkit-hâne*, tempat penginapan para pedagang dan sekolah telah menghentikan operasinya. Setelah itu, tepatnya pada zaman Mustafa Kemal Ataturk menubuhkan Republik Turki, *Madrasah Fatih* juga hilang fungsinya sebagai institusi wakaf pendidikan yang diiktiraf pada ketika itu. Bangunan madrasah dan bilik para pelajar ini pula kemudiannya dijadikan sebagai asrama pelajar. Sehingga sekarang, hanya masjid, makam Sultan Mehmet II dan isterinya sahaja yang kekal digunakan untuk kunjungan masyarakat setempat dan para pelancong (Unan 1993). Namun begitu, kerajaan Turki mengambil inisiatif menubuhkan sebuah universiti iaitu Universiti Istanbul demi menyambung kesinambungan fungsi *Madrasah Fatih* sebagai sebuah institusi pendidikan ulung pada masa dahulu.

KESIMPULAN

Sejak Sultan Mehmet II membuka kota Konstantinople pada 29 Mei 1453M, beliau melakukan pembaharuan kepada Istanbul dengan menyediakan pelbagai kemudahan dan institusi wakaf yang berfungsi dalam memberikan perkhidmatan kepada rakyat di bawah naungan beliau, lebih-lebih lagi dalam bidang pendidikan. Melalui penubuhan *Madrasah Fatih* ini, kerajaan Uthmaniyyah telah melahirkan ramai sarjana daripada segenap bidang ilmu yang menyumbang dalam dunia Islam. Antaranya dalam bidang perubatan, falsafah, astronomi, matematik dan pemikiran Islam. Keunggulan tamadun ilmu di Baghdad dapat dikembalikan dalam dunia Islam sekaligus memberikan impak yang besar serta sumbangan kepada tamadun Barat yang baru memulakan langkah setelah melalui zaman kegelapan. Dengan penubuhan dan perkembangan institusi ini juga, ia menjadi titik tolak bermulanya era pendidikan secara berstruktur dan moden seperti yang diamalkan pada masa sekarang.

RUJUKAN

- Abuarqub, M. 2009. *Islamic Perspectives on Education*. Birmingham: Islamic Relief Worldwide.
- Anon. 2014. *The Concept of Excellence in Higher Education*. Brussels: EQNA AISBL.
- Boyar, E. & Fleet, K. 2010. *A Social History of Ottoman Istanbul*. New York: Cambridge University Press.
- Deligöz, H. 2014. The Legacy of Vakıf Institutions and The Management of Social Policy in Turkey. *Administrative Culture* 15(2): 179-203.
- Günüç, F. 2007. *The Fatih Complex in The History of Turkish Culture and Civilization Mosque, Madrasahs, Tombs, Library, Darul Kurra, Guesthouse*. Istanbul: Kültür A.Ş.
- Ihsanoglu, E. 2004. The Madrasahs of Ottoman Empire. *Foundation for Science Technology and Civilisation*. April: 1-17.
- İnalçık, H. 2012. *The Survey Of Istanbul 1455 The Text, English Translation, Analysis Of The Text, Documents*. Istanbul: Türkiye İş Bankası Kültür Yayınları.
- İpşirli, M. 2001. *History of The Ottoman State Society & Civilisation*. Istanbul: Research Centre for Islamic History, Art and Culture (IRCICA).
- Kahya, E. & Erdemir, A.D. 1997. *Medicine In The Ottoman Empire (And Other Scientific Developments)*. Istanbul: Nobel Medical Publications LTD Şti.

- Mansel, P. 2011. *Constantinople: City of The World's Desire 1453-1924*. London: JohnMurray.
- Mohamad Shaukhi Mohd Radzi. 2012. *Proses Pembaratan dalam Daulah Uthmaniyyah 1789-1876*. Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah.
- Sirat, M., Bakar, R. & Hwa, Y.S. (2012) Malaysia. In U. Bangkok, *The Impact of Economic Crisis on Higher Education* (pp. 72-84). Bangkok: UNESCO Bangkok.
- The Encyclopedia of The Ottoman Empire*. 2009. New York: Facts On File, Inc.
- The International Bank for Reconstruction and Development*.1994. Washington D.C: The World Bank.
- Yediyıldız, B. & Öztürk, N. 1996. "The Habitable Town" and Turkish waqf system. *Habitat II*. Istanbul, 12 April.
- Yediyıldız, B. 2001. *History of The Ottoman State Society & Civilisation*. Istanbul: Research Centre for Islamic History, Art and Culture (IRCICA).
- Yesilay, R.B. & Dulanay, E. 2011. Analysis of Ottoman economy on the basis of imaret's accounting records in 14th and 17th centuries. dergipark.ulakbim.gov.tr/esam/article/download/.../5000116878 [29 April 2016].
- Unan, F. 2003. *Kuruluşundan Günümüze Fâtih Külliyesi. Atatürk Kültür, Dil ve Tarih Yüksek Kurumu Türk Tarih Kurumu Yayinlari*. Ankara: Türk Tarih Kurumu Basimevi.